

03 JUN 1999

DR MAHATHIR KUNJUNGI OBUCHI

TOKYO, 3 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini mengunjungi rakan sejawatannya Perdana Menteri Keizo Obuchi di sini.

Dalam pertemuan selama kira-kira setengah jam itu kedua-dua pemimpin membincangkan pelbagai perkara yang menyentuh hubungan dua hala Malaysia-Jepun.

Dr Mahathir diiringi Duta Besar Malaysia ke Jepun Tan Sri Haji Muhammad Khatib dalam pertemuan itu.

Perdana Menteri yang memulakan lawatan tujuh harinya ke Jepun di Nagoya Sabtu lepas tiba di sini semalam.

Beliau akan berlepas pulang esok.

-- BERNAMA

KHY LAT